

134 orang dipindahkan ke pusat pemindahan

KLANG 17 Okt. - Jumlah penduduk Kampung Batu 5, Kapar yang dipindahkan ke pusat pemindahan Dewan Datuk Razali akibat fenomena air pasang besar meningkat kepada 134 orang berbanding 54 orang semalam.

Fenomena air pasang besar yang memasuki hari kedua hari ini dilaporkan mencatatkan paras 5.7 meter pada 3.30 pagi berbanding 5.3 meter, waktu yang sama semalam.

Seorang penduduk, Hamidah Mohd. Yusof, 38, yang tinggal bersebelahan dengan ban pecah yang jaraknya hanya 20 me-

ter dari rumahnya berasa sedih kerana barangan dan peralatan di rumahnya hampir musnah akibat air laut yang memasuki rumahnya.

Katanya, kejadian kali ini agak teruk berbanding bulan lalu kerana air mencecah paras pinggang.

“Semalam kami telah meletakkan barangan elektrik ke paras tinggi namun air laut yang masuk ke dalam rumah telah menenggelamkan barangan kami.

“Namun, kami bersyukur kerana kami sekeluarga telah berpindah ke pusat pemindahan se-

malam,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* disini hari ini.

Sementara itu, Rozita Bahar, 47, berkata, dia tidak menjangkakan paras air naik lebih tinggi daripada semalam sehingga mencecah ke paras pinggang.

“Saya terkejut apabila melihat air telah naik ke paras bingkap. Nasib baik saya sudah berpindah ke pusat pemindahan mangsa banjir malam tadi.

“Buat masa ini, saya tidak masuk ke dalam rumah kerana air sangat tinggi dan berharap esok keadaan akan pulih atau tidak seteruk hari ini,” katanya.



ANGGOTA bomba dan penyelamat membantu penduduk Kampung Batu 5 Jalan Kapar, Klang, Selangor, selepas rumah mereka dinaiki air akibat fenomena air pasang besar, semalam. - GAMBAR/IHSAN BOMBA